

# Generasi muda mesti lebih hebat

## PM mahu anak pasca merdeka kuasai ilmu

Oleh Fazli Abdullah dan Mohd Anwar Patho Rohman

**G**EORGETOWN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin generasi pasca merdeka mempunyai kebolehan dan kemampuan untuk menguruskan negara dengan lebih hebat pada masa depan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah menyediakan peluang dan kemudahan secukupnya kepada generasi muda untuk menguasai ilmu, bukan saja dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Katanya, peluang itu membolehkan generasi dekad kelima dan keenam selepas merdeka memperoleh ilmu yang lebih berkualiti, berbanding generasi terdahulu.

Sehubungan itu, beliau mahu generasi berkenaan membuktikan kehebatan dan menunjukkan kelainan serta keistimewaan mereka untuk meningkatkan lagi tahap kemajuan negara.

"Dengan penguasaan ilmu, anak muda mesti menjadi generasi yang memberi sumbangan yang lebih besar dan istimewa.

"Jika 50 tahun lalu kita sudah cemerlang, generasi pasca merdeka perlu membawa negara ke tahap yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Itulah tahap kemajuan yang perlu ditingkatkan," katanya pada majlis penutup Gegar U! Warna Warna Malaysiaku: Satu Lambang Perpaduan, anjuran bersama Yayasan Budi Penyayang Malaysia (Penyayang) dan Kementerian Pengajian Tinggi, di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) dekat sini, malam tadi.

Pada majlis itu yang disiarkan secara langsung melalui stesen penyiaran Astro, Perdana Menteri turut menerima replika cakera padat (CD) yang mengandungi sejuta mesej perpaduan daripada wakil pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan.

Mesej berkenaan dikumpul sepanjang program Gegar U! yang berlangsung di 14 IPT dan enam lokasi awam di seluruh negara, sejak Mei lalu.

Program itu yang diadakan sempena 50 tahun kemerdekaan bertujuan memupuk semangat perpaduan

di kalangan generasi muda dan program di Pulau Pinang mencatat sejarah dalam Malaysian Book of Records menerusi pelbagai aktiviti yang dijalankan untuk mengumpul mesej perpaduan selama 50 jam tanpa henti, mulai 16 Ogos lalu.

Abdullah turut menerima Projek Komuniti Mega Kampung Perlis, Balik Pulau dari Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Datuk Dzulkifli Abdul Razak sebelum diserahkan semula kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pulau Betong, Muhammad Farid Saat untuk dilaksanakan.

Perdana Menteri turut menyampai hadiah pertandingan memabitkan tiga kategori sempena Gegar U! iaitu perpaduan melalui muzik yang dimenangi Universiti Malaysia Sabah, gambar perpaduan (Universiti Utara Malaysia) dan papan perpaduan (Universiti Malaysia Terengganu).

Abdullah menjelaskan, kerajaan memberi peluang seluas-luasnya kepada generasi muda menimba ilmu bertujuan memperkasakan mereka dalam bidang ilmu pengetahuan.

BH-19/8/2007



**TEKNOLOGI CANGGIH:** Abdullah dan isteri, Datin Seri Jean Abdullah bersama Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon melihat Jurulatih Flight Simulator F1(V Michael Jason di tapak pameran simulator itu, sebelum menghadiri majlis penutup Gegar U! Warna Warna Malaysiaku, malam tadi.